

# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI  
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUAN 15 BILANGAN 45 RABU 11 NOBEMBER 1970

1390 رمضان ١١ رابع

PERCHUMA

D.Y.M.M. KA-LONDON



GAMBAR atas menunjukkan Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dengan di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara sa-jurus sa-belum menaiki kapal terbang yang membawa baginda ke Singapura dalam perjalanan ka-United Kingdom.

Turut serta dalam rombongan Duli Yang Maha Mulia yang telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pertama Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf, Timbalan Menteri Besar, Y.B. Peihin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa, Pegawai Ke-wangan Negara, Yang Berhormat Peihin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja Dato Utama Awang John Lee; Peguan Negara, Y.B. Peihin Orang Kaya Laila Kanun Di-Raja Dato Utama Awang Idris Talog Davies; Pengrahan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Y.B. Peihin Orang Kaya Tabib Laila Di-Raya Dato Setia P.J. Franks; Y.A.M. Pengiran Sanggamara Di-Raja Pengiran Anak Chuchu dan Yang Di-Muliahan Peihin Orang Kaya Perdana Indera Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohammad Taha bin Haji Bakir.

## Pemangku M.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah berkenan melantek Setia Usaha Kerajaan Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail menjadi Pemangku Menteri Besar semasa ketidaan Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf adalah salah sa-orang dalam rombongan Duli Yang Maha Mulia yang telah berlepas ka-London pada minggu lalu.

Penyelia Pilehan2 Raya, Dato Paduka Awang Matnor McAfee telah di-lantek memangku jawatan Setia Usaha Kerajaan.

Kedua2 perlantekan itu bermula dari 5 Nobember sa-hingga Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf kembali ka-Brunei.

## CHUTI AWAM MEMPERINGATI NUZUL AL-QURAN

HARI kelepasan awam di-seluruh negeri kerana memperingati Nuzul Al-Quran ada-lah jatoh pada hari Selesa, 17 Nobember, 1970 untuk mengganti hari Isnin, 16 Nobember, 1970.

## Rombongan pengambilan orang2 baru AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Asker Melayu Di-Raja Brunei sekarang sedang menjalankan kempen pengambilan orang2 baru untuk berkhidmat dengan regiment itu sa-bagai pemandu2 helikopter, jurutera2 kapal, kelasi2 dan jurulatih2 pelajaran.

Kempen yang ke-23 yang di-mulakan pada 7 Nobember itu termasok juga pengambilan orang2 baru bagi pasukan2 infanteri.

Beberapa buah pusat pengambilan orang2 baru itu telah di-tubohkan untuk menemuduga pemuda2 yang ingin memasuki regiment itu.

Rombongan pengambilan orang2 baru itu akan berada di-Sekolah Melayu Muda Hashim pada 21 Nobember untuk menemuduga pemuda2 di-Daerah Tutong, di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada 28 Nobember dan di-Dewan Kemasharakatan Bandar Seri Begawan pada 14 Nobember dan sekali lagi pada 12 Disember.

Putus2 pengambilan di-Tutong dan Kuala Belait akan di-buka dari pukul 8.00 pagi hingga 2.00 petang sementara pusat pengambilan di-Dewan Kemasharakatan Bandar Seri Begawan di-buka mulai pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Askar Melayu Di-Raja Brunei juga akan mengambil kadet2 bakal pegawai dan mereka yang ingin berkhidmat boleh-lah mendapatkan bo-rang2 permohonan dari Ibu Pejabat AMDB di-Kem Berakas sa-belum minggu pertama bulan Disember.

Rekrut2 pengambilan yang ke-23, termasok kadet2 pegawai akan memulakan latihan mereka pada 28 Disember, 1970.

## Dua penuntut Brunei lanjutkan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang penuntut ugama Brunei telah melanjutkan pelajaran mereka ka-Universiti Al-Azhar di-Kahirah baru2 ini.

Mereka itu ia-lah Awang Mokti bin Mohamed Daud dan Awang Ahmad Murad bin Abang Ali.

Kedua2 mereka telah lulus peperekson Sijil Persekolahan Tinggi di-Kolej Islam, Petaling Jaya, Kuala Lumpur.

Dengan ini sa-ramai 9 orang penuntut ugama Brunei telah berada di-Kahirah bagi melanjutkan pelajaran mereka di-universiti tersebut.

Sa-takat ini sa-ramai lima orang penuntut Brunei telah lulus dari universiti tersebut — sa-orang mendapat ijazah B.A. dan empat orang yang lainnya mendapat ijazah M.A.

Kesemua penuntut itu di-biayai oleh kerajaan Brunei di-bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

## Lagu2 permintaan melalui talipon

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Melayu Radio Brunei akan mengadakan lagu2 permintaan melalui talipon bersempena menyambut Hari Raya Puasa yang akan datang.

Selama tiga hari, pendengar2 boleh-lah menalipon ka-Studio Radio Brunei apabila rancangan itu ka-udara di antara pukul 11.30 pagi hingga 12.30 petang.

Tiap2 satu panggilan akan di-kennakan bayaran tidak kurang dari \$3.00.

Lagu2 kesukaan pendengar2 boleh juga di-dengar dalam rancangan tersebut jika di-minta dengan menggunakan borang.

Tiap2 satu borang permintaan hendak-lah di-sertakan dengan wang sa-banyak \$1.00.

## MAJLIS ISLAM BERTINDAK

**M**ENGAPAKAH pula Majlis Ugama Islam yang akan memungut zakat? Tidak-kah chukup bahawa sa-seorang Islam itu mengeluarkan Zakat dan Fitrah kepada orang2 yang berhak seperti yang berjalan sekarang?

Beran sa-seorang Islam itu boleh-lah ia mengeluarkan Zakat dan Fitrah kepada orang yang di-pandang-nya berhak dalam hukum zakat. Ini tidak salah dan boleh serta di-haruskan dalam ugama, tetapi ada tiga perkara yang patut di-ingat, ia-itu perkara2 ini selalu-nya menjadi punca kesalahan dalam mengeluarkan Zakat dan Fitrah.

- 1) Apa-kah benar orang2 yang di-beri Zakat dan Fitrah itu orang2 yang berhak menurut firman Allah yang termasok salah satu di-antara asnaf yang lapan itu? Kerana tidak semua orang Islam yang faham akan 8 jenis orang yang berhak itu bahkan ada pula yang mengeluarkan-nya kapada bukan orang yang lapan asnaf itu, seperti anak2 yatim, guru mengaji, orang2 tua yang tidak disiasat keadaan mereka, bidan2 dan orang yang lain atau terkenal dengan istilah penerima zakat wraith.

Kalau sa-seorang memberikan zakat kapada orang yang tidak berhak maka zakat itu tidak diterima sa-bagai zakat, tetapi hanya-lah sa-bagai sedekah biasa. Ini patut menjadi ingatan, maka dengan ada-nya Majlis Ugama Islam, perkara seperti ini tidak akan jadi kerana Majlis akan menetapkan siapa yang berhak dan siapa yang tidak berhak menurut Hukum Islam.

- 2) Dalam sa-buah kampung biasa-nya banyak orang2 yang berhak menerima Zakat dan Fitrah, tetapi oleh kerana orang2 ini tidak di-daftarkan maka tidak semua orang dalam suatu tempat itu tahu akan orang2 yang berhak, demikian juga kadang2 orang memberikan zakatnya atau fitrah-nya kapada orang lain yang di-luar tempat tinggal-nya, oleh kerana ia suka atau cenderong hati-nya atau oleh kerana dalam kampung itu tidak mahu memberikan fitrah-nya. Jadi kadang2 dalam suatu tempat ada orang2 yang berhak menerima fitrah atau zakat maka tidak menerima, sedangkan ada orang lain pula menerima-nya terlampaui banyak.

Perkara ini tidak juga bagus kerana menimbulkan kesalahan pada hukum memindah Zakat

Fitrah dengan tidak izin Sultan atau kerajaan atau tidak sama rata dalam pembahagian yang berhak sama ada tidak di-sukai oleh orang atau di-sukai.

- 3) Pada umum-nya masa ini hanya fitrah sahaja yang di-jalankan kerana ini mudah, semua orang boleh menjalankan. Tetapi bagaimana tentang zakat padi? Zakat harta? Zakat kerbau, kambing dan lain2 zakat? Tentu tidak sa-mudah Fitrah wang satahun sa-kali, pada hal zakat perkara2 ini ada-lah wajib dan di-tuntut, dan perkara ini ada-lah lebih banyak pendapatan-nya daripada Fitrah.

Siapakah yang akan menjalankan? Ada-kah orang2 Islam bersunggoh2 dalam menjalankan perentah Ugama-nya? Kalau tidak ada pehak yang berkuasa meminta dan menyuruh mereka membayar zakat padi dan harta dan binatang2 itu?

Pekerjaan dan perbelanjaan menguruskan zakat ada-lah banyak dan berat tidak mudah, oleh sebab itu Majlis mengambil usaha menjalankan kutipan2 ini supaya terjamin bahawa semua orang yang terkena zakat akan mengeluarkan zakat-nya dengan tidak ada apa2 halangan dan pendapatan daripada zakat itu akan di-bahagikan kapada orang2 yang berhak menerima-nya di seluruh negeri.

### CHARA2 PEMUNGUTAN

Bagaimana - kah chara2 - nya pemungutan dan pembahagian Zakat dan Fitrah itu akan dibuat oleh Majlis Ugama Islam?

- 1) Bagi menjalankan pemungutan Zakat dan Fitrah, Majlis akan melantek 'amil (pemungut) Zakat dan Fitrah dalam satu2 kawasan atau kampung bagi menjadi wakil Majlis menerima pungutan Zakat Fitrah dan juga akan membahagikan Zakat dan Fitrah itu kepada orang2 yang berhak di-kampung atau kawasan itu. Kalau dalam satuu2 kampung atau kawasan itu ada masjid, maka imam2 masjid akan menjadi

## ZAKAT DAN FITRAH DI-NEGERI BRUNEI

- Minggu lepas telah di-terangkan tentang tujuan umum Zakat dan Fitrah itu di-wajibkan ka-atas Umat Islam. Dalam keluaran ini pula akan chuba di-terangkan tentang pemungutan zakat dan fitrah itu dan beberapa masaalah mengenai-nya.

'amil, akan tetapi kalau tidak ada maka orang lain akan dilantek, Majlis akan memberitahu kapada orang ramai nama dan tempat 'amil2 ini.

Maka orang ramai hendaklah mendaftarkan diri mereka, memberitahu berapa banyak tanggongan dalam rumah dan lain2. Demikian juga hendaklah memberitahu hasil mashul dan pendapatan mereka, seperti padi, kerbau, lembu, kambing dan harta yang lain2, supaya dapat di-kira bagi di-zakat kemudian-nya.

Maka 'amil2 ini-lah yang akan memberitahu berapakah jumlah Fitrah dan Zakat yang akan tuan2 keluarkan atau berapa perkara yang akan di-keluarkan dan bila-kah masa-nya akan di-keluarkan nanti, maka mudah-lah tuan2 akan mengeluarkan Zakat Fitrah itu kapada-nya.

Sa-tiap Zakat dan Fitrah yang di-keluarkan itu akan di-keluarkan resit penerimaan-nya, resit itu akan menjadi tanda yang tuan2 sudah mengeluarkan tuntutan Zakat dan Fitrah.

- 2) Dan bagi pembahagian pula maka 'amil2 tadi akan mendaftarkan siapa2 sahaja orang2 yang berhak bagi menerima Zakat dan Fitrah di-dalam kawasan-nya itu, dan kalau tidak maka orang2 yang berhak itu hendak-lah menyatakan diri mereka kapada 'amil supaya di-masukkan ka-dalam senarai nama orang2 yang berhak menerima.

Sa-selalau Zakat dan Fitrah itu di-punggut maka 'amil2 itu akan membahagi2kan - kan - kapada orang2 yang ada di-dalam daftar tadi dengan sa-chara sama rata dan seksama. Orang2 yang menerima hendak-lah menanda tangani surat atau resit penerimaan Zakat dan Fitrah itu di-hadapan 'amil.

Patut di-ketahui sa-waktu mendaftarkan diri itu hendak-lah dengan betul dan berpatutuan, jangan-lah hendak-nya mengurangkan jumlah kalau terkena Zakat dan Fitrah dan jangan-lah juga melebih2kan kalau mendaftarkan diri bagi menerima Zakat dan Fitrah, kerana Zakat dan Fitrah itu ada-lah hak bagi semua orang2 yang menerima dan juga hak Allah. Sengaja mengurangkan atau melebih2kan akan mendatangkan kesalahan dan kesilapan dalam kira mengira kapada 'amil2 dan kapada diri sendiri.

### MASA-NYA ZAKAT DAN FITRAH

Bila-kah masa-nya Zakat dan Fitrah itu akan di-punggut oleh 'amil2?

Zakat akan di-kira dan di-punggut bila perkara2 yang di-hasilkhan oleh sa-seorang itu telah chukup masa-nya sa-tahun dan chukup bilangan-nya atau jumlah pendapatan-nya saperti padi akan di-zakat sa-telah waktu mengetam, dan jumlah gantang padi itu chukup kadar yang di-tetapkan bagi zakat, atau binatang demikian juga jika sudah sampai masa-nya akan di-zakat dan chukup bila ngan-nya.

'Amil di-tempat tuan2 akan memberitahu bila-kah masa-nya dan bagaimana chara mengeluarkan-nya nanti.

Mengenai dengan fitrah, maka fitrah akan di-punggut mulai bulan Ramadhan. Apabila sahaja tiba bulan Ramadhan maka boleh-lah tuan2 mengeluarkan fitrah kapada 'amil jangan-lah di-nanti sampai malam Hari Raya atau sa-belum sembahyang kerana pendapatan fitrah itu akan di-berikan kapada orang2 fakir, miskin atau lain2 orang yang berhak menerima-nya sa-belum menjelang Hari Raya, supaya dapat-lah mereka berbelanja dan dengan mudah dalam masa sa-belum Hari Raya. Dan sa-kurang2nya dapat-lah juga mereka berharri raya bersama saudara2-nya yang lain, atau dapat-lah juga dia merasa gembira dalam bulan yang berbahagia ini.

Hendak-lah di-perhatikan bahawa Fitrah itu di-gunakan untuk supaya semua orang Islam dapat bergembira ketika sampai hari yang berbahagia, maka jika-lah Fitrah itu di-keluarkan pada waktu Hari Raya hilang-lah maksud yang sa-benar-nya dan tidak-lah boleh fitrah itu di-gunakan untuk maksud di atas tadi.

### BERAPA-KAH KADAR-NYA?

Berapa-kah kadar Fitrah yang wajib di-bayar oleh orang Islam?

Kadar Fitrah yang wajib di-bayar oleh semua orang Islam sama ada tua atau muda, kecil besar, lelaki perempuan, ada-lah sa-banyak 3 kali 12 tahil beras atau di-keluarkan wang yang sama dengan harga beras itu.

Maka sa-tiap kepala keluarga hendak-lah mengeluarkan zakat bagi semua tanggongan-nya yang besar dan yang kecil, yang lelaki dan yang perempuan, kapada 'amil yang di-lantek oleh Majlis Ugama Islam.

Tentang harga beras itu akan di-tentukan lagi kemudian melalui Pejabat Kadzi Besar. Maka perubahan sama ada murah atau mahal dan Fitrah hendak-lah di-ke-luarkan mengikut kadar itu.

(BERSAMBONG)

SA-BAGAI mengalu2kan ketibaan bulan Ramadhan yang mulia ini, maka mari-lah kita bersama2 mengerjakan ibadat puasa dengan hati yang penoh rela dan ikhlas ia-itusa-mata2 kerana Allah jua.

Kita sa-bagai umat Mohammad dan mengakui bahawa Ugama Islam itu ada-lah ugama yang kita anuti, maka sudah tentu-lah kita akan menyambut bulan Ramadhan ini dengan penoh keshukuran kehadzarat Allah Subahanahu-wataala, yang mana dengan taufik dan hidayahnya serta limpah rahmatnya, maka dapat-lah kita sekali lagi bersama2

## Derma untok anak2 yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara, telah membahagi2kan borang2, untok di-isikan bagi mendapatkan derma, berupa wang kapada semua anak2 yatim di-daerah ini.

Setia Usaha Tabong Derma Anak2 Yatim, Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Besar berkata, borang2 itu, telah dihantar melalui penghulu2 dan ketua2 kampong di-Daerah Brunei-Muara.

Beliau meminta penghulu2 dan ketua2 kampong yang berkenaan supaya datang ka-Pejabat Penchen di-Dewan Kemerdekaan untuk mengambil borang2 tersebut dengan seberapa segera.

Semua anak2 yatim, dari semua bangsa kerayataan Brunei, yang diam di-Daerah Brunei-Muara di-bawah umur 14 tahun, akan berhak menerima derma itu.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada Penolong Setia Usaha Tabong Derma Anak2 Yatim, Pengiran Momin bin Pengiran Damit tidak lewat dari 20 Nobember, 1970.

Menurut Pengiran Haji Abas, kutipan wang derma itu, di-perolehi dari kegiatan2 yang di-lakukan oleh Badan Jawatankuasa itu, di-tahun2 lalu, derma dari Pejabat Ke-bajikan Masharakat, dan orang2 perseorangan di-Dae-rah Brunei dan Muara.

Sementara itu, jawatan-kuasa itu juga, akan memberikan derma yang berupa kueh mueh, kepada orang2 sakit di-rumah sakit, dan orang2 salah di-Jerudong semasa menyambut Hari Raya.

# Puasa yang di-kehendaki oleh shara' ia-lah yang dapat menanam sifat takwa

## KHUTBAH

## JUMA'AT

mengerjakan ibadat puasa pada tahun ini. Dari itu mari-lah kita bersama2 beramal kehadzarat Allah Subahanahu-wataala di-bulan yang mulia lagi berkat ini. Semoga amalan kita itu kelak akan di-terima oleh Allah sa-bagai tanda pengabdian diri kita kapadanya, kerana amat-lah rugi sekali kira-nya kita meninggalkan puasa itu tanpa sa-suatu perkara yang menghalang.

Puasa dalam bulan Ramadhan yang menjadi salah satu rukun Islam ada-lah menjadi satu ujian kapada umat Islam. Berbahagia-lah bagi orang yang menunaikan fardhu puasa-nya sa-bagaimana yang ditetapkan oleh shara' dan besar-lah dosa-nya bagi orang yang meninggalkan-nya dengan ketiadaan uzor.

Sa-benar-nya ibadat puasa bukan-lah suatu perentah yang memberatkan atau menyusahkan orang2 Islam, bahkan sesuai dengan keadaan semula jadi manusia dan Tuhan tidak-lah bermaksud untuk menyusahkan orang2 yang beriman kapada-nya, bahkan kerenggan dan ke-longgaran menjadi maksud dalam perentah2 ugama-nya.

Dalam menjalankan ibadat puasa, orang2 yang uzor dari segi pandangan shara' di-haruskannya berbuka puasa, ke-meduan di-ikuti dengan qadha

## PEMBETULAN BAYARAN ZAKAT FITRAH

**B**AYARAN zakat fitrah yang telah di-tetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama bagi kawasan Bandar Seri Begawan ia-itu sa-banyak \$1.56½ sen itu adalah juga meliputi Daerah Brunei dan bukan-nya hanya bagi kawasan Bandar Seri Begawan sa-bagaimana yang telah di-siarkan dalam Pelita Brunei minggu lalu.

Bayaran zakat fitrah bagi lain2 daerah negeri ini ia-lah bagi Daerah Tutong dan Muara — \$1.59½ dan bagi kawasan Seria, Belait dan Daerah Temburong ia-lah \$1.62½.

di-masa lain atau membayar **pidiah**. Kelonggaran atau kerenggan ini berdasarkan firman Allah Subahanahu-wataala dalam surah Al-Bakarah ayat 185 yang bermaksud:

"Allah menghendaki supaya kamu mudah dan tidak menghendaki supaya kamu susah."

Orang2 yang di-haruskannya berbuka puasa ia-lah orang2 sakit, orang yang terlalu tua tidak berupaya mengerjakan puasa, orang musafir ia-itu belayar bukan kerana tujuan maksiat, perempuan yang hamil atau yang sedang menyusukan anak. Orang2 yang di-haruskannya berbuka puasa itu, ada kala-nya mengqadha sa-haja, ada kala-nya wajib qadha serta membayar pidiah (tebusan) ia-itu dengan menge luarkan kira2 satu chupak berpas dan ada kala-nya wajib pidiah sahaja.

Puasa yang di-kehendaki

oleh shara' ia-lah puasa yang dapat menanam sifat takwa di-dalam diri orang yang berpuasa itu. Puasa yang sa-de-mikian tidak akan dapat di-chapai melainkan apabila orang yang berpuasa itu dapat menahan diri dari makan minum dan segala perkara2 yang membatalkan puasa.

Di-dalam hadith Quds Al-lah 'Azau-wajala berfirman yang bermaksud:

"Tiap2 amal Adam adalah untok-nya (Allah) dan aku (Allah) membala pa-hala kerana-nya."

Dalam suatu hadith pula, Rassulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

"Barang siap berpuasa di-bulan Ramadhan, hal ke-adzan-nya beriman dan ikhlas, maka di-ampunkan dosa-nya yang telah laju."

Dari itu mari-lah kita me-nunaikan ibadat puasa ini dengan hati yang penoh keiman-an dan takwa serta menjunjong pahala daripada Tuhan yang maha esa dan semoga kita menjadi orang yang tak-wa Amin ya rabul alamin.

## Persidangan majlis2 mashuarat Daerah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Mashuarat Daerah Belait telah mengadakan sidang bulanan-nya di-bilek persidangan pejabat2 kerajaan di-Kuala Belait pagi hari Rabu lepas.

Sidang itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Tidak ada usul di-binchang-kan di-sidang itu.

Majlis Mashuarat Daerah Temburong juga telah bersidang hari itu di-bilek persidangan pejabat2 kerajaan di-Pekan Bangar.

Majlis itu telah mendengar dua jawapan kapada soalan bertulis yang di-kemukakan oleh Pengiran Zulaihi bin Pengiran Tajuddin, ahli bagi Pe-kan Bangar.

Pengiran Zulaihi hendak tahu bila Jabatan Pelajaran dapat membina sa-buah biled makan bagi Sekolah Melayu Sultan Hasan di-Bangar.

Jawapan itu berkata, soal ini sedang di-uruskan.

Pengiran Zulaihi juga hendak tahu bila-kah sa-orang Imam dapat di-tempatkan di-Masjid Batu Apoi.

Beliau telah di-beritahu bahawa penempatan Imam itu maseh lagi di-usahakan.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11 Nob. 1970 hingga ka-hari selasa 17 Nob. 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
11 Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
12 Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
13 Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
14 Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
15 Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
16 Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08	
17 Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

11hb. Nobember, 1970.

## SEKADAR YANG TERDAYA

**B**ERBELANJA di-sepanjang bulan puasa dan menjelang Hari Raya ada-lah diantara perkara yang menrek, di-samping perkara2 mengenai dengan ibadah kita untuk mematohi seruan2 Allah di-sepanjang bulan yang berkat ini.

Ada dua bahagian "berbelanja" yang dapat di-katakan terbesar juga yang sedang di-hadapi oleh sa-bahagian besar Umat Islam di-negeri ini. Pertama, berbelanja dalam masa bulan puasa; dan, kedua; berbelanja untuk menyambut ketibaan Hari Raya Idil-Fitri. Pada umumnya, maka dapatlah di-katakan bawaha perbelanjaan Umat Islam dalam bulan Ramadhan ada-lah yang terbesar sekali dari sa-belas bulan yang lain. Rasa-nya tidak perlu di-huraikan kenapa dalam bulan itu perbelanjaan Umat Islam lebuh besar dari lain2 bulan, kerana memang sudah di-ketahui umum bawaha ia-nya telah menjadi satu kebiasaan sejak zaman lagi apabila suasana Ramadhan mengelilingi kita. Malah orang2 tempatan yang bukan Islam mensifatkan bulan itu sa-bagi "Hari Besar" bagi orang2 Islam.

Tentang berbelanja dalam bulan puasa dan melihat kapada kemewahan yang tidak terbendong itu, kerap kali di-kaitkan dengan soal "membazir" yang memang di-larang oleh Ugama Islam. Sudah kerap di-katakan bawaha perbuatan berbelanja dengan chara yang tidak terkawal itu, berarti membikarkan diri kita terdedah kepada amalan2 yang membazir yang juga bermanfaat merugikan dan menjadikan ekonomi kita selalu dalam keadaan yang ter-gugat.

Mungkin juga perkara ini di-anggap kecil sahaja jika ditinjau dari satu sudut "makan minum", tetapi haruslah di-ingat bahawa dari perkara yang kecil ini ada-lah serba mungkin menjadi besar. Jika kita gagal pada mengamalkan perangkaan2 yang wajar pada perkara yang di-anggap kecil itu, maka kita akan terus gagal juga dalam menghadapi masalah2 yang lebuh besar. Oleh itu, pertimbangan yang chukup matang ada-lah perlu dan hendaknya kita tidak terus menerus di-tunggani oleh kehendak2 nafsu yang besar, sedangkan waktu tiba berbuka kita sudah merasa chukup hanya dengan sa-tegok ayer saja. Di-sini-lah nikmat puasa itu kita rasakan yang sa-chara tidak langsung telah menyuroh kita berfikir supaya kita sentiasa berhati2 pada menghadapi nafsu. Jika kita di-kalahkan oleh nafsu, maka akan terasa rugi-nya, tetapi jika sebaliknya, maka faedah-lah yang kita dapat, bahkan wang ringgit kita akan terselamat dari membazir.

Bagitu juga dengan berbelanja menyambut Idil-fitri, maka akan kurang-lah faedah-nya, jika sa-lepas Hari Raya sa-jumlah besar dari wang gaji atau pendapatan kita di-gunakan untuk membayar hutang yang kadang2 baru lunas sa-telah berbulan2. Bahkan, mungkin ada yang tidak terlunaskan bertahun2 dan telah menimbulkan perselisihan2 yang berlarut2. Pindek-nya, berpadat2-lah sekadar yang terdaya.

# BERKENALAN LEBEH RAPAT DENGAN TIMBALAN MENTERI BESAR

DALAM satu istiadat di-Lapau, Bandar Seri Begawan pada hari Selasa, 27 Oktober, 1970 yang lalu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja, Dato Utama Awang Isa telah menerima perlantekan menjadi Timbalan Menteri Besar Brunei.

Perlantekan itu berlangsung di-hadapan dan dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan di-saksikan oleh pembesar2 negara termasok Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Dulii2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pegawai2 kanan kerajaan dan ketua2 jabatan.

Surat tauliah lantekan itu telah di-bachakan oleh Mudim Awang Md. Yusof bin Abdul Latif.

Lantekan ka-atas beliau itu ada-lah bagi menggantikan tempat Pengiran Dato Setia Haji Ali bin Pengiran Haji Md. Daud yang telah bersara dari jawatan Timbalan Menteri Besar itu sejak tahun 1965.

Yang Berhormat Pehin Dato Isa sa-belum lantekan itu telah memegang

jawatan Timbalan Peguam Negara ia-itu jawatan yang pertama kali na yang di-pegang oleh anak negeri ini.

Dalam lapangan kemajuan pelajaran, maka Pehin Dato Isa ada-lah merupakan anak Melayu Brunei yang pertama yang telah memperolehi Sijil Persekolahan Cambridge sa-lepas perang.

Di-zaman sains dan teknologi ini, maka beliau ada-lah sa-orang yang terpenting sekali untuk kemajuan2 yang pesat di-lapangan pelajaran berikut dengan tertubohnya Surohanjaya Pelajaran yang baru saja di-bentok yang beliau sendiri telah di-lantek menjadi pengurusinya.

Pehin Dato Isa pada masa ini berumur 35 tahun — anak bungsu kapada Speaker, Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Haji Ibrahim bin Mohd. Jahfar yang telah men-



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa sedang menyerahkan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sa-telah selesai istiadat mengurniakan gelaran 'Pehin' dalam tahun 1968.



Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim.

jadi Menteri Besar Brunei yang pertama daripada tahun 1959 hingga tahun 1961.

Awal persekolahan beliau di-Sekolah Melayu Bandar Brunei telah terganggu oleh perang dan kemudian beliau bersekolah di-Sekolah Melayu Kilanas tidak berapa lama semasa pemerintahan Jepun.

Sa-lepas perang, beliau masuk Sekolah Roman Catholic (sekarang St. George's), tetapi tidak lama kemudian telah pergi ke-Pulau Pinang dimana beliau telah masuk Sekolah Stamford. Sa-telah lulus Darjah Enam beliau pun balek ke-Brunei, dan pada awal tahun 1951, ketika berumur 16 tahun, beliau telah masuk berkerja dengan Kerajaan sa-bagi kerani di-Jabatan Pelajaran. Bagaimana pun, sa-tahun kemudian beliau meletakkan jawatan dengan memberi notis dua puloh empat jam dan esoknya telah menaiki sa-buah kapal di-Labuan menuju ke-Singapura di-mana beliau meneruskan pelajaran-nya di-Victoria Afternoon School. Sa-tahun kemudian beliau ditukar ke-Beaty Secondary School yang baharu sahaja dibuka di-mana beliau menghabiskan persekolahan -nya dengan memperolehi Sijil Persekolahan Cambridge Tingkat Satu dengan credit dalam enam mata pelajaran yang lain. Beliau-lah anak Melayu Brunei yang pertama yang

(Lihat muka 5)

(Dari muka 4)

telah memperolehi Sijil Persekolahan Cambridge sa-lepas perang.

Dalam bulan Januari 1956 beliau telah di-hantar ka-England atas biasiswa Kerajaan Brunei dan masok sa-buah sekolah "tutorial" di Sevenoaks di-Kent. Pengajian beliau telah sekali lagi terganggu, kali ini di-sebabkan oleh keuzoran dan beliau dimasukkan ka-Rumah Sakit King Edward VII di-Midhurst, Sussex, di mana beliau mengalami satu pembedahan besar. Beliau di-tahan di rumah sakit sa-lama sa-tahun genap.

Sa-telah sembah beliau pun masok Brighton Technical College untuk memasokkai pe-perekasaan "Advanced Level" dan telah berjaya mendapat kelulusan dalam tempoh satu tahun. Dalam bulan Oktober 1958 beliau memasokkai University of Southampton dan dalam bulan Julai, 1961 beliau menamatkan pengajian dengan memperolehi Ijazah Honours B.A. (Law). Pada penghujung tahun itu juga beliau telah memasokkai Pe-perekasaan Bar Finals di London dan dalam bulan Februari, 1962 telah di-terima masok ka-English Bar oleh Middle Temple. Oleh yang demikian beliau telah menjadi, bukan sahaja anak Brunei yang julong2 kali lulus daripada sa-buah Universiti British, tetapi juga peguam Brunei yang pertama. Dalam tahun 1961 beliau telah dipilih menjadi Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, dan telah menyandang jawatan itu sa-hingga beliau balek ka-Brunei.

Dalam perjalanan beliau ka-tanah ayer sa-lepas di-terima menjadi peguam, beliau berhenti singgah di-Singapura dan berkawin dengan Dayang Rosie Lim (sekarang Datin Rosnah) yang beliau telah berkenalan se-masa beliau bersekolah. Datin Rosnah ketika itu ia-lah sa-orang Merinyu — ia-itu salah sa-orang dari hanya empat orang merinyu perempuan di-dalam keselurohan Pasukan Pulis Singapura. Mereka se-karang mempunyai lima orang anak termasuk dua orang anak kembar.

Sa-baik2 sahaja beliau balek ka-tanah ayer beliau pun masok berkhidmat di-Jabatan Undang2 selaku Penolong Penasehat Undang2 dalam tahun 1962, dan kemudian beliau di-hantar ka-Kuala Lumpur di-mana beliau ber-kerja di-Pejabat Peguam Ne-gara selaku Timbalan Pen-da'awa Raya, dalam jawatan mana beliau telah menjalan-kan beberapa penda'awaan



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa (di-kiri sekali) ketika mengiringi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan melawat perkhemahan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas.

## Timbalan M.B. anak Brunei yg. pertama menjadi peguam

di-hadapan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Beliau balek ka-Brunei sa-lepas meletusnya penderha-kaan pada penghujung tahun 1962. Di-Kuala Lumpur-lah yang pertama kali-nya beliau berjumpa dengan Pehin Orang Kaya Laila Kanun Di-Raja Dato Idris Talog Davies, Peguam Negara Brunei yang sekarang ini, yang pada ketika itu menyandang Peguamchara Agong bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau telah beberapa kali mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan (masa Baginda maseh Sultan) ka-beberapa lawatan ka-seberang laut ter-masok juga lawatan keliling dunia Baginda dalam tahun 1964. Kemudian dalam tahun itu juga beliau telah di-lantek menjadi Penolong Peguam Negara.

Beliau telah di-kurniakan bintang S.N.B. dalam tahun 1964 dan dalam tahun 1965, ketika berumor 30 tahun, menjadi Dato yang paling muda manakala beliau di-kurniakan Darjah Setia Ne-gara Brunei. Dalam Isti'adat Pengurniaan Pingat2 dan Bintang2 Kehormatan Tahun Baharu 1968, ia-itu Isti'adat yang pertama bagi Pengurnia-an Pingat2 dan Bintang2 Ke-hormatan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Hassanal Bolkiah sa-lepas Baginda naik takhta Kerajaan, Pehin Isa telah di-kurniakan Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati, Darjah Kedua, dan Hormati, dalam bulan Mei, 1968 beliau

telah di-anugerahi gelaran Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja. Dalam bulan Januari, 1970 beliau telah sekali lagi di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia, Darjah Pertama. Be liau juga telah di-kurniakan Pingat Hassanal Bolkiah Sultan, Darjah Pertama. Selain dari pengurniaan Darjah2 Kehormatan Brunei, beliau telah juga di-kurniakan bintang O.B.E. dalam bulan Januari, 1969.

Dalam bulan September, 1965 beliau telah pergi ka-London untuk menghadiri kursus sa-lama lima bulan bagi Pegawai2 Undang2 Ne-geri2 Commonwealth di-Marlborough House. Dalam tahun 1969 beliau berada sa-lama dua bulan di-Amerika Sharikat di-mana beliau telah mengambil bahagian dalam satu Seminar Undang2 An-tarabangsa yang di-adakan di-Harvard University Law School.

## Pemenang2 perlumbaan go-kart

SERIA. — Awang Ibrahim bin Ahmad dari Seria telah memenangi piala rebutan Limbang Trading dalam perlumba utama kereta go-kart sa-banyak 60 pusingan yang telah di-adakan di-gelanggang sokaan Seria pada hari Ahad lepas.

Tempat kedua di-menangi oleh Awang Jumat bin Garif dan Edwin Choo.

Dalam perlumbaan 20 pu-

## REKRUT PULANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 40 orang rekrut Pulis Di-Raja Brunei telah pulang ka-tanah ayer pada hari Isnin sa-telah tamat menjalani latihan di-Malaysia Barat.

Rekrut2 pulis itu telah pergi ka-Kuala Lumpur dalam bulan Mei tahun ini untuk menjalani latihan lanjutan di-Pusat Latihan Pulis, di-Kuala Lumpur.

## Bola keranjang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 14 buah pasokan dari daerah2 Brunei-Muara dan Tutong telah menyertai perlawanan kejohanan bola keranjang bagi merebut Piala Belia.

Perlawanan yang telah di-mulakan semalam itu ada-lah anjoran Persatuan Bola Ke-ranjang Bandar Seri Begawan.

Semua perlawanan di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

## Ka-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 14 orang pengakap telah di-pileh mewakili negeri ini ka-Perkhemahan Jubli Intan Pengakap Singapura yang akan di-adakan dalam bulan Disember hadapan.

Rombongan pengakap itu akan di-ketuai oleh Awang Mohammad Taib bin Othman.

## Penarohan Kereta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 menjadikan kawa-san di-belakang panggong Boon Pang Baharu di-Bandar Seri Begawan tempat penarohan kereta, hampir2 siap.

Apabila kerja2-nya siap, masalah penarohan kereta, di-Bandar Seri Begawan, akan di-atasi.

Kawasan baru itu boleh menyediakan tempat kira2 100 buah kereta.

## singan, Suresh Janardanan te-lah mendapat tempat pertama, Edwin Choo tempat kedua dan ketiga di-menangi oleh Kapten Pengiran Abidin.

Suresh Janardanan juga te-lah memenangi perlumbaan 30 pusingan, kedua — Ibrahim bin Ahmad dan ketiga — Yusnus.

Perlumbaan tersebut di-an-jorkan oleh Kelab Motor Di-Raja Brunei.

KITA telah mengetahui bahwa undang2 itu ada-lah di-buat oleh manusia, untuk manusia, dan di-jalankan oleh manusia. Undang2 itu juga boleh hidup, sakit dan mati, tetapi dia tidak-lah bernalas dan bernyawa. Dia hidup kerana dia-lahirkan oleh manusia, dia sakit kerana sa-bahagian atau salah satu daripada **section-nya** tidak lagi sesuai untuk masharikat yang beraneka chorak ini. Penyakit itu boleh di-ubati dengan chara membuang perkara yang tidak sesuai itu sama sekali atau perkara itu di-ganti dengan yang baru. Dia boleh mati, jika dia di-bubarkan kese-lurohan-nya kerana tidak lagi sesuai untuk masharikat atau pun dia di-gantikan dengan satu undang2 yang baru. Oleh sebab undang2 itu di-buat oleh manusia untuk manusia dan di-jalankan oleh manusia, maka saya timbulkan satu soalan di-sini, apa-kah atau siapa-kah yang lebeh berkuasa di-antara undang2 dengan manusia? Biar-lah soalan ini sa-bagai satu hadiah kenang2an kepada para peserta di-sini untuk menjadi buah mulut atau pun ulam perbinchan para hadhiran.

Awal tadi saya telah nyatakan di-bahagian masharikat bahawa masharikat yang tidak ada undang2 ada-lah masharikat yang hidup-nya liar dan jahil. Masharikat yang sa-rupe itu ada-lah masharikat yang lebeh ganas daripada binatang2 yang selalu kita hina dan benci itu. Suasana di-masharikat itu akan tetap tunggang terbalik dan orang yang kuat dan gagah akan lebeh bermaharajalela dan mereka pasti akan menegakkan bahawa '**kekuatan itu ada-lah kebenaran**'. Perbuatan yang saperti itu boleh-lah di-dapati di-zaman purba di-Europah di mana pergaduhan atau pertengkaran hanya di-selesaikan dengan menggunakan pistol atau pedang. Orang yang menang atau maseh hidup di-anggap orang yang benar dan bukan bersalah. Orang yang bersalah ia-lah orang yang kalah atau mati. Kita juga dapat bahawa orang yang kuat menggunakan kekuatan-nya dalam memuaskan hawa nafsu-nya menggoda pehak2 yang lemah dan menjalankan ke-ganasan-nya di-bidang merampas, menyamun harta benda dan membunuh orang2 yang lemah.

Oleh sebab masharikat sudah berundang2 dan bertamadun maka pendapat yang purba itu 'kekuatan ada-lah kebenaran' itu pun berubah menjadi 'kebenaran ada-lah kekuatan'. Maka dengan ada-nya perubahan itu, aman damai dan sentosa serta

# PERANAN UNDANG2 DALAM MASHARAKAT (SAMBONGAN)

OLEH:  
AWANG ALI BIN MOHD. DAUD

terator dan tersusun-lah sa-suatu masharikat itu. Masharikat itu pun beransor2 mempunyai sistem undang2 yang sempurna yang mempunyai perbedaan di-antara undang2 civil dan jenayah. Perbedaan itu ada-lah berdasarkan atas **remedy** yang sesuai yang di-se-diakan oleh undang2. Kesalahan civil akan mengakibatkan perbicharaan civil case ia-itu tujuan-nya untuk menjalankan tuntutan hak yang di-tuntut oleh sa-seorang atas sa-seorang yang lain. Dalam ba-hagian perbicharaan jenayah tujuan-nya ia-lah menghukum orang yang membuat kesalahan civil case mengandungi pengganguan atas hak2 private dan hak2 persaorang-an, tetapi kesalahan jenayah ada-lah di-anggap sa-bagai melanggar hak2 dan kewajip-an orang2 awam yang mengakibatkan keselurohan masharikat.

Dalam civil case, perbicharaan ada-lah di-bawa atau di-jalankan oleh pehak2 yang menuntut; tetapi dalam jenayah perbicharaan ada-lah di-jalankan oleh pendaawa raya atas nama negara. Akhir-nya dalam civil case, pehak yang bersalah ada-lah di-kehendaki membayar ganti rugi kepada pehak yang di-chachatkan, tetapi dalam kes jenayah dia akan di-hukum oleh negara atau kerajaan.

Perlu juga di-ketahui bahawa satu kesalahan (ijuri) akan menimbulkan kesalahan civil dan jenayah dan boleh-lah mengakibatkan dan perbicharaan ia-itu satu civil dan satu lagi jenayah. Mencheruboh benda dan sa-seorang (assault) defamation, churi dan merosakkan harta benda orang ada-lah kesalahan sa-jenis ini. Tetapi dalam semua jenis kesalahan itu, remedy bagi civil dan jenayah tidak-lah di-pileh di-antara satu tetapi remedy-nya ada-lah lepas satu baharu-lah di-ikuti oleh yang satu lagi, ia-itu orang yang bersalah itu akan di-hukumkan atau tidak oleh Mahkamah, dan dia juga dalam civil case akan di-rentahkan untuk membayar ganti rugi kepada pehak yang chachat. Kes2 saperti berhubung di-Mahkamah, meniru tanda tangan, document dan lain2, beristeri dua, membunuh dan lain2-nya ada-lah kesalahan jenayah dan bukanlah kesalahan civil.

Perbedaan yang saya se-butkan tadi ada-lah mustahak bagi orang yang akan menuntut hak2-nya atau keadilan di-Mahkamah. Jika dia tidak tahu, mungkin tuntutan civil kes-nya akan di-hadapkan-nya ka-kes jenayah, dari itu ada kemungkinan tuntutan-nya ti-dak akan berjaya dalam ba-hagian jenayah.

Kita tidak dapat nafikan lagi, bahawa peranan atau bahagian yang di-ambil oleh undang2 dalam masharikat ada-lah maha penting, meluas dan meliputi penghidupan sa-seorang dalam masharikatnya, dan masharikat itu sendiri. Untuk menjelaskan lagi peranan2 itu, saya berani mengatakan bahawa chorak atau bentuk undang2 itu akan menentukan chorak atau bentuk masharikat dan ka-arah mana masharikat itu akan di-tuju. Kerana masharikat itu mesti membuat undang2 yang sesuai dan patut bagi-nya. Mithal-nya dari Undang2 Perlumbaan kita mungkin dapat chorak masharikat yang berperlumbaan itu ada-kah masharikat itu mempunyai kemerdekaan yang penoh, merdeka hanya berkuasa dalam negeri, apa-kah dia berbentuk democratic dan mempunyai perwakilan yang di-pileh dalam pilehan raya dan lain2 lagi.

Undang2 membangun dan mem-bina masharikat ka-arah aman damai, terator dan tersusun, bertamaddun dan mungkin kaya raya kerana undang2 itu saya anggap sa-bagai manusia kerana dia berkuasa dan manusia mesti dan harus patuh kapada-nya, kalau tidak manusia itu akan menerima akibat-nya. Untuk meliputi dan sa-bagai memberi jaminan kapada yang saya sebutkan tadi, maka kita mempunyai berbagai2 jenis undang2 untuk menjaga dan menghukum orang berchakap dengan chara mulut (lisani) atau di-maksudkan untuk di-bacha atau dengan chara tanda, membuat atau menchekat perbuatan atau perkara berkenaan dengan sa-seorang, mengetahui atau perchaya bahawa apa yang di-buat-nya itu akan menjatohkan meruah sa-seorang itu, maka kita ada mempunyai undang2 defamation (atau undang2 menjatohkan maruah orang). Jadi kalau saya berchakap melimpasi batas mungkin ada sa-orang peserta di-sini akan mendawa'awa' saya. Mithal-nya Awang X berchakap "Awang Z ani orang-nya amanah, dia tidak pernah menchuri jam tanan Awang Y" dan Awang X berniat yang di-chakapkan-nya itu akan di-perchayai bahawa Awang Z te-lah menchuri jam tangan Awang

B itu. Ini ada-lah defamation, di-kechualikan dia termasuk dalam satu perkara yang di-kechualikan.

Undang2 juga mengambil peranan yang penting dalam menjaga keselamatan semua lapisan masharikat dan harta benda mereka. Supaya mereka dapat bebas bersiar2 di-tepi pantai, di-taman bunga, atau di-mana2 saja mereka berada dengan tidak hirau akan di-ganggu orang2, maka kita ada mempunyai undang2 seperti undang2 mencheruboh badan manusia.

Undang2 rogal akan menentang perbuatan2 lelaki yang ganas dan berhawa nafsu yang luar biasa.

Oleh sebab kita mempunyai undang2 churi, menerima atau di-shaki menyimpan barang2 churian, maka akan terselamat-lah harta benda kita daripada kena churi. Jika harta benda itu di-bakar orang, orang yang bersalah akan di-hukum oleh mahkamah.

Undang2 juga akan menentukan perhubungan di-antara sa-seorang dengan orang lain. Dalam masharikat dan dengan ahli masharikat yang lain atau dalam dan luar negeri. Supaya perhubungan perniagaan dan lain2 lagi akan tertentu dan sempurna, maka kita ada menyediakan undang2 seperti undang2 perniagaan, jual beli, shari-kat dan contract. Oleh sebab undang2 ini, maka berkembang-lah perniagaan dan ekonomi kita.

Supaya kita dapat menjaga ketenteraman, keamanan dan keselamatan negara dan Sultan kita, maka kita ada mempunyai undang2 berkenaan dengan orang2 yang akan memerangi Sultan dan negara, dan supaya kita dapat menjaga kachau bilau, kita telah mengadakan undang2 yang dinamai Public Order.

Kerajaan tidak mengganggu sa-seorang itu dalam apa juga pun, melainkan orang itu melakukan kesalahan. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan kita sentiasa menghormati hak2 dan harta benda raayat dan penduduk negeri ini. Maka mithal-nya jika kerajaan mahu mengambil balek tanah yang di-beri oleh kerajaan kapada sa-seorang itu, kerajaan tidak dapat merampas-nya melain dengan menggunakan undang2 Pengambilan Tanah (Land Acquisition Enactment) dan kerajaan akan membayar ganti rugi ka-atas tanah yang di-ambil balek itu. Jika ganti rugi itu tidak memuaskan hati tuan punya tanah itu maka dia berhak meminta supaya perkara itu di-hadapkan ka-Mahkamah tinggi walau pun pehak yang di-lawan itu ia-lah kerajaan kerana undang2 membolehkan kita berbuat demikian. Kerajaan mahu yang pengadilan mesti di-jalankan dan di-beri kapada semua lapisan raayat dan penduduk negeri ini, supaya lambang dibangunan Dewan Majlis Mashuarat Negeri kita "Adil Laila Bahagia" sentiasa di-tegakkan dan di-agongkan di-seluruh negera kita Brunei Darus-salam yang kita chintai ini.

## Pejabat Daerah Brunei-Muara pindah

BANDAR SERI BEGAWAN.— Pejabat Daerah Brunei-Muara dan Pejabat Bandaran Bandar Seri Begawan telah berpindah ka-bangunan Dewan Kemasharakatan.

Bahagian tingkat atas bangunan itu di-gunakan sa-bagi Pejabat Daerah Brunei-Muara, sementara tingkat bawah dan bahagian belakang bangunan itu di-gunakan oleh Pejabat Bandaran.

Sa-orang juruchakap bagi Pejabat Daerah Brunei-Muara berkata, semua bayaran ayer dan penilaian rumah hendak-lah di-bayar di-Pejabat Bandaran di-Dewan Kemasharakatan.

### Sekolah persediaan di-Tutong siap tahun depan

TUTONG.— Kerja2 pembinaan sekolah persediaan dan menengah di-Tutong, yang bermula dalam bulan Disember tahun 68, akan siap, dalam masa empat bulan lagi.

Sekolah tersebut, akan mempunyai enam belas buah bilek darjah tiap2 sa-buah. Bahagian sekolah menengah-nya, akan mempunyai dua tingkat, dan di-bentok bagi kemudahan2 kemungkinan di-perbaikan.

Sekolah tersebut mempunyai sa-buah padang bola sepak, kawasan tempat bermain tenis, dan lorong2 bagi lumba lari jarak, empat ratus meter.

Empat buah blok asrama bagi murid2 lelaki dan perempuan yang diam lebeh dari tiga batu jauh-nya dari sekolah, juga di-bina dekat sekolah itu.

Lain2 kemudahan dalam kompleks bangunan sekolah itu, termasuk sa-buah khutub khanah berhawa dingin dan sa-buah dewan besar.

## KIRIMKAN KAD2 DENGAN SEGERA

BANDAR SERI BEGAWAN.— Ketua Pos Agong, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim, telah menyeru orang ramai, supaya mengirimkan kad2 Hari Raya, tidak lewat dari 25 Nobember ini.

Kad2 yang akan dikirimkan ka-Singapura dan Malaysia Barat melalui mail biasa, hendak-lah di-poskan tidak lewat dari 8

Nobember, sementara melalui mail udara, hendak-lah di-poskan, tidak lewat dari 24 Nobember.

Kad2 yang akan dikirimkan ka-Sarawak dan Sabah melalui mail biasa, hendak-lah di-poskan tidak lewat dari 10 Nobember, dan yang melalui udara tidak lewat dari 25 Nobember, sementara kad2 yang akan dikirimkan ka-lain2 negeri di-dunia, hendak-

lah di-poskan tidak lewat dari 25 Nobember.

Ini ada-lah bagi menentukan kad2 itu tiba, sebelum menjelang Hari Ra-ya.

Ketua Pos Agong itu meminta pengirim2, supaya menulis nama dan alamat dengan terang dan melekatkan setem2 di-bahagian atas sebelah kanan sampol surat yang berukuran tidak kurang dari 4 dan 2 inch.

## Jawatan-Jawatan Kosong

### Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 yang berikut di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Hanya pemohon2 yang tinggal berdekatan dengan masjid2 ini dikehendaki memohon:-

- a) **IMAM** — (1 jawatan)  
Bagi Masjid Utama Mohamad Salleh, Pekan Banggar, Temburong.
- b) **KHATIB** — (1 jawatan)  
Bagi Masjid Utama Mohamad Salleh, Pekan Banggar, Temburong.
- c) **BILAL** — (1 jawatan)  
Bagi Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei.

#### Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun.

### Ehwal Ugama

- b) Mesti-lah mahir dalam ba-chaan Al-Quran dan mengetahui hukum2 Ugama Islam.
- c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.
- d) Pemohon2 mesti-lah bersedia memasuki peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

#### Gaji:

Dalam sukatn gaji —

- (a) IMAM — U.4 — \$260x10-520.
- (b) KHATIB — U.3 — \$220x10-430.
- (c) BILAL — U.2 — \$200x10-400.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari pada 25 Nobember, 1970.

### Sa-bagai

### Pemereksa Buroh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Pemereksa Buroh di-Jabatan Buroh, Brunei.

#### Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Form IV Inggeris, dan sekurang2-nya telah berkhidmat selama 5 tahun dengan Kerajaan; tetapi mereka yang mempunyai pengalaman bekerja di-sebuah Jabatan Buroh akan juga di-pertimbangkan, Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan chekап.

#### Gaji:

Dalam sukatn gaji C.2 — \$660x30-900. Gaji permulaan ber-gantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemo-hon2 bersama2 dengan satu Chat-tetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 21 Nobember, 1970.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Nobember, 1970.

### Sa-bagai Pekerja Kebajikan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pekerja Kebajikan di-Jabatan Kebajikan Masha-rakat, Brunei.

#### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 35 tahun dan telah lulus sekurang2-nya Form II Inggeris atau tammat Darjah VII Sekolah Melayu.

#### Gaji:

Dalam sukatn gaji D.1-2-3 EB 4 — \$210x10-270x15-360x20-480/EB/500x20-620. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2

dan pengalaman.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemo-hon2 bersama2 dengan satu Chat-tetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 21 Nobember, 1970.

## SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



## Belum ada yang di-tangkap kerana tidak berpuasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata tidak sa-orang pun umat Islam di-negeri ini di-dapati melanggar hukum berpuasa sejak ia-nya bermula sembilan hari yang lalu.

Juruchakap itu memuji umat Islam di-negeri ini kerana patuh kapada undang2 Islam.

Orang Islam yang melanggar hukum berpuasa boleh di-denda sa-banyak \$50.00 bagi kesalahan pertama, \$75.00 bagi kesalahan kedua dan \$100.00 bagi kesalahan ketiga.

Juruchakap itu meminta tuan2 punya resturant dan kedai2 makan supaya bekerjasama dengan tidak menjualkan makanan dan minuman kapada orang2 Islam pada siang hari.

Tuan2 punya resturant dan kedai2 makan boleh di-denda jika mereka di-dapati menjual makanan pada waktu siang dalam bulan puasa ini.

## 13 memohon untuk dapatkan biasiswa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran telah menerima tiga belas permohonan bagi biasiswa2 untuk melanjutkan pelajaran di-universiti2 di-United Kingdom dan New Zealand.

Biasiswa2 itu di-tawarkan oleh kerajaan2 United Kingdom dan New Zealand kapada anak2 Brunei yang berijazah atau kelayakan yang sa-tanding dengan-nya.

Pemohon2 itu hendak-lah juga berkelayakan dalam ba-hasa Inggeris untuk membolehkan-nya mengikuti kursus pelajaran di-Britain dan New Zealand.

Biasiswa itu akan bermula dalam tahun 1971.


## PEMBETULAN

**S**EKOLAH2 Inggeris kerajaan di-seluruh negeri akan di-buka semula pada hari **Khamis 3 Disember 1970** dan bukan-nya pada hari **Isnin 7 Disember** sa-bagaimana yang telah di-beritakan dalam Pelita Brunei keluaran minggu lepas.

Sekolah2 Melayu di-seluruh negeri akan di-buka pada hari Ahad 6 Disember, 1970.

## Kechurian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejadian kechurian dari kereta2 yang di-tinggalkan di-tempat2 penarohan di-Daerah Brunei-Muara ada-lah dikatakan semakin bertambah. Untuk menchengah kejadian



## 196 orang chalun masok pereksa G.C.E.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 196 orang chalun akan mengambil pepereksaan Sijil Pelajaran Am yang akan di-adakan dalam bulan Januari tahun depan.

Pepereksaan itu akan di-adakan di-Maktab SOAS di-Bandar Seri Begawan dan Maktab Anthony Abell di-Seria.

Pepereksaan itu akan bermula pada 4 Januari dan tamat pada 27 Januari, 1971.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, 130 orang chalun akan menambil pepereksaan mereka di-Maktab SOAS di-Bandar Seri Begawan dan yang lain-nya di-Maktab Anthony Abell di-Seria.

## Pasar gembira

SERIA. — Pasar gembira selama empat hari akan di-adakan di-Gelanggang Sukan di-Seria dalam bulan depan.

Pasar gembira itu yang di-anjorkan oleh pasukan Askar Gurkha Rifles akan bermula dari 17 Disember pada puluk 4.30 tiap2 hari.

Pertunjukan2 pencharagam dan helikopter, ronggeng, jualan anika barang2, menunggang kuda, pameran seni lukis dan pertukangan tangan dan ta-yangan wayang gambar ter-buka akan di-adakan.

Tiada ada bayaran masok di-kenakan untuk menyaksikan pasar gembira itu.

Hasil yang di-perolehi dari pasar gembira itu akan di-masukan ka-dalam Tabong Kebajikan Gurkha.

## bertambah

itu. Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Brunei-Muara menasihatkan tuan2 punya kereta supaya mengunchi dan menu-puk kereta2 mereka walau pun di-tinggalkan untuk beberapa minit sahaja.

**P**EKAN Tutong akan mempunyai 10 pintu kedai yang moden apabila pembinaan bangunan kedai itu siap dalam bulan Disember tahun hadapan.

Kedai baru itu akan di-bina di atas tapak bangunan kedai yang ada se-karang yang di-bina 33 ta-hun yang lalu (gambar atas).

Kerja2 meruboh kedai2 lama itu telah di-mulakan awal bulan ini.

Pembinaan kedai2 baru yang menelan belanja kira2 \$410,000.00 itu akan di-mulakan awal bulan depan.

Pembelaan membina bangunan kedai baru itu di-biayai oleh tuan2 punya kedai lama itu.

## 'Pesta Ugama' bagi menyambut Nuzul Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin akan merasmikan Pesta Ugama di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada hari Isnin 16 Nobember ini mulai jam 9.00 malam.

## 60 orang chalun ambil pereksa

### Society of Arts

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 60 orang chalun mengambil pepereksaan Royal Society of Arts bagi satu mata pelajaran yang bermula pada hari Selasa semalam.

Pepereksaan itu di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan dan Maktab Anthony Abell di-Seria.

Mata2 pelajaran itu ia-lah Ilmu menyimpan kira2, trengkas, Bahasa Inggeris bagi orang2 asing, Ilmu Hisab, perniagaan dan menaip.

Ujian Lisan Bahasa Inggeris perengkat satu di-adakan di-pusat2 tersebut semalam. Ujian Lisan Bahasa Inggeris Perengkat Dua pada hari ini 11 Nobember dan perengkat ketiga-nya pada 12 Nobember esok.

Pepercayaan bagi lain2 mata pelajaran akan bermula pada 18 Nobember hingga 2 Disember.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, 30 orang chalun akan mengambil pepereksaan itu di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan dan lain-nya di-Maktab Anthony Abell di-Seria.

Majlis itu akan di-dahului dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Dayang Mazanah binte Ahmad, isteri kepada Awang Haji Aziz bin Juned.

Dayang Mazanah ja-lah bekas Johan qariah seluroh ne-geri Perlis tahun 1963, 1964 dan 1965 dan beliau juga sa-orang bekas siswazah Universiti Al-Azhar yang mendapat ijazah B.A.

Di-antara achara2 lain termasuk-lah sa-buah tattoo mengenai sejarah Islam bertajok **Tariq bin Ziad** yang akan dilakunkan oleh lebuh 100 orang belia2.

Pengusaha Penerangan dan Tabaliq, Awang Abdul Hamid bin Bakal akan menyampaikan Tafsir Al-Quran se-mentara sa-ramai 5 orang johan yang mewakili Daerah masing2 akan mengambil bahagian dalam peraduan meng-hafadz Al-Quran.

Persembahan2 yang di-an-jorkan oleh Badan Penerangan Ugama Islam Jabatan Hal Ehwal Ugama itu ada-lah ber-sempena dengan sambutan Nuzul Al-Quran.

Orang ramai terutama kaum Muslimin ada-lah di-persilakan hadir untuk menyaksikan persembahan pa-da malam itu.